

Iklan oleh Google

Hentikan iklan ini Mengapa iklan ini? 🗑️

Pelajar, kakitangan UPNM bantu mangsa banjir

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my



Iklan oleh Google

Hentikan iklan ini

Mengapa iklan ini? 🗑️



PELAJAR dan kakitangan UPNM membantu membersihkan rumah mangsa banjir di sekitar Selangor. FOTO IHSAN UPNM

Kuala Lumpur: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) mengambil langkah segera menggerakkan seramai 300 orang pelajar dan 30 orang kakitangan untuk misi bantuan kepada mangsa banjir yang terjejas di sekitar Selangor.

Menurut pihak pengurusan UPNM, pasukan sukarelawan UPNM sentiasa prihatin dan bersedia sepanjang masa.

"Tabung Bantuan UPNM dilancarkan untuk sumbangan disalurkan kepada mangsa banjir.

"Semua maklumat kakitangan UPNM yang terjejas dikumpul dan dipantau keadaan mereka setiap hari," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, operasi bantuan dengan kerja pembersihan rumah pensyarah, staf, pelajar dan orang awam dan program mengumpul dana serta barangan keperluan.

"Bantuan banjir di negeri Selangor di Kampung Sri Aman Puchong, Bandar Klang dan Taman Utama Klang.

"Beberapa buah rumah dibantu secara bergotong royong bagi tujuan pembersihan," katanya.

Misi ini adalah bertujuan untuk meringankan beban mangsa banjir dalam proses membersihkan kawasan rumah selepas banjir surut.

Disiarkan pada: Disember 22, 2021 @ 10:01pm